



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 12 JUN 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **103 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **7,168 kes** (85.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 12 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **33 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,402 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,115 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 33 kes baharu yang dilaporkan, 16 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 17 kes penularan di dalam negara, 14 kes adalah bukan

warganegara dan tiga (3) kes adalah di kalangan warganegara Malaysia.

Perincian bagi 3 kes di kalangan warganegara adalah seperti berikut:

- Satu (1) kes saringan kontak kepada kes positif (kes ke-7735) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- Satu (1) kes saringan pusat tahfiz di Selangor;
- Satu (1) kes saringan kepada kes kematian di dalam komuniti seperti dilaporkan di atas iaitu kes kematian ke-119.

Sehingga kini, sebanyak empat (4) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **119 kes** (1.42 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-119 (kes ke-8370) merupakan perempuan warganegara Malaysia berumur 85 tahun. Beliau telah meninggal dunia pada 11 Jun 2020 di rumah beliau dan jenazah beliau dibawa ke Hospital Keningau, Sabah. Ujian saringan ke atas beliau telah didapati positif COVID-19.

KKM mengucapkan takziah kepada keluarga beliau.

KEBOLEHJANGKITAN DAN DISCAJ PESAKIT COVID-19

Seperti yang sering ditekan oleh KKM sebelum ini, pengetahuan dan penemuan baharu mengenai COVID-19 sentiasa berkembang dan berubah kian hari. Ini membantu pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dan pihak berwajib seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menambahbaik kaedah pengurusan wabak COVID-19.

Berdasarkan pemantauan KKM dalam pengurusan pesakit COVID-19, ujian rt-PCR COVID-19 bagi kebanyakan pesakit yang telah sembuh masih kekal menunjukkan keputusan yang positif dalam jangka masa yang panjang meskipun apabila mereka telah sembuh. Ujian rt-PCR sememangnya sangat sensitif dalam mengesan kehadiran protein virus.

Walaupun mereka masih dikesan positif, namun mereka tidak bergejala, tidak jatuh sakit atau menyebarkan penyakit ini kepada keluarga terdekat. Hasil kajian kultur yang dilakukan berulang kali menunjukkan virus COVID-19 gagal dibiakkan. Justeru, KKM telah membuat kesimpulan bahawa keputusan positif COVID-19 bagi pesakit yang telah sembuh adalah berpunca daripada virus atau fragmen virus (*deoxyribonucleic acid* atau DNA) yang telah mati.

Penemuan serupa juga telah dilaporkan dari beberapa negara misalnya Korea, China, Singapura dan Jerman. Kajian di China menunjukkan bahawa kebolehjangkitan berlaku 2.3 hari sebelum bermula gejala dan berada pada tahap tertinggi 0.7 hari sebelum

pesakit bergejala. Kebolehhangkitan menurun ke tahap yang sangat rendah selepas tujuh (7) hari. Manakala sebuah kajian lagi di Taiwan mendapati bahawa selepas lima (5) hari pesakit dijangkiti COVID-19, mereka tidak menyebarkan jangkitan kepada kontak rapat yang terdedah kepada pesakit ini.

Penemuan kajian di Korea pula menunjukkan walaupun 25.9 sehingga 48.9 peratus bekas pesakit COVID-19 telah disyaki kembali positif semula selepas discaj, ujian COVID-19 yang dijalankan ke atas 790 kontak rapat bagi 285 bekas pesakit COVID-19 tersebut telah menunjukkan mereka tidak dijangkiti COVID-19. Ini bermakna sememangnya sudah tiada kebolehhangkitan COVID-19 di kalangan bekas pesakit COVID-19 tersebut.

Pemantauan ini adalah bertepatan dengan hasil siasatan yang mendapati bahawa tempoh berjangkit atau *infectious period* bermula 2 hingga 3 hari sebelum gejala bermula, dan adalah di kemuncak satu (1) hari sebelum gejala. Tempoh berjangkit juga didapati menurun ke paras yang sangat rendah dalam masa tujuh (7) hari selepas itu.

Ini selaras dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh WHO dalam "*Clinical management of COVID-19, Interim guidance, May 2020*", bahawa kebanyakan pesakit positif COVID-19 **hanya** boleh menyebarkan penyakit ini **dalam jangka masa 10 hari daripada permulaan penyakit.**

Sehubungan itu, KKM telah mengemaskini garis panduan discaj pesakit COVID-19 di mana pesakit dengan jangkitan COVID-19 yang disahkan oleh makmal boleh didiscaj dari wad penyakit berjangkit apabila memenuhi kriteria-kriteria berikut:

1. Bagi pesakit bergejala:

- Sekurang-kurangnya tiga (3) hari (72 jam) pulih daripada demam (tanpa menggunakan ubat demam) serta gejala pernafasan (misalnya batuk dan sesak nafas) telah bertambahbaik; **DAN** sekurang-kurangnya 14 hari telah berlalu sejak gejala bermula;

2. Bagi pesakit tidak bergejala:

- 14 hari telah berlalu sejak tarikh ujian diagnostik COVID-19 didapati positif, dengan anggapan mereka tidak mengalami sebarang gejala selepas ujian positif mereka.

Ujian pengesanan COVID-19 **tidak diperlukan sebelum pesakit didiscaj** dari wad penyakit berjangkit. Sekiranya pesakit masih memerlukan rawatan perubatan selain rawatan COVID-19, mereka boleh dipindahkan ke wad lain.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Pihak KKM menyeru kerjasama daripada setiap individu agar kita dapat sama-sama membendung wabak COVID-19 dan memastikan

rantaian jangkitan COVID-19 diputuskan di Negara. Antara amalan-amalan yang disarankan adalah:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, sentiasa ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

12 Jun 2020 @ 5.00 petang

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 12 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	256
SELANGOR	13 (6)	1,987
NEGERI SEMBILAN	4	931
MELAKA	4 (4)	250
JOHOR	1 (1)	678
PAHANG	0	363
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	1	356
SARAWAK	0	556
W.P. KUALA LUMPUR	10 (5)	2,409
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	17
JUMLAH KESELURUHAN	33 (16)	8,402

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Rujukan:

1. WHO, Clinical management of COVID-19, Interim guidance, May 2020
2. He, X., Lau, E.H.Y., Wu, P. et al. Temporal dynamics in viral shedding and transmissibility of COVID-19. Nat Med 26, 672–675 (2020)
3. Cheng H, Jian S, Liu D, et al. Contact Tracing Assessment of COVID-19 Transmission Dynamics in Taiwan and Risk at Different Exposure Periods Before and After Symptom Onset. JAMA Intern Med. Published online May 01, 2020
4. Findings from investigation and analysis of re-positive case, May 2020, KCDC <https://www.cdc.go.kr/board/board.es?mid=a30402000000&bid=0030>
5. The Hindu: When are COVID-19 patients most likely to infect others? <https://www.thehindu.com/data/data-when-are-covid-19-patients-most-likely-to-infect-others/article31675247.ece>